KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	11/9/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	1&14
JABATAN	:	JMG/JUPEM			



Gunung Jerai 'bercalar'

Lereng Gunung Jerai dipenuhi kesan 'calar' akibat runtuhan tanah yang berlaku pada 18 Ogos lalu. Bencana geologi itu disebabkan jumlah taburan hujan luar biasa dalam tempoh lapan jam di sekitar Gunung Jerai yang bersamaan jumlah hujan selama sebulan di kawasan berkenaan. *Nasional* 14

(Foto ihsan Jabatan Mineral dan Geosains Kedah)

Sungai bengkok jadi lurus kesan kepala air

Bencana 18 Ogos ubah bentuk muka bumi Gunung Jerai, kawasan sekitar

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Alor Setar: Bencana geologi membabitkan tanah runtuh dan aliran puing di Gunung Jerai bulan lalu, turut memberi kesan kepada kawasan sekitarnya, apabila berlaku perubahan ketara pada bentuk muka buminya.

Kejadian pada 18 Ogos itu, dilaporkan berlaku akibat jumlah taburan hujan luar biasa selama lapan jam di Gunung Jerai yang bersamaan jumlah sebulan di kawasan berkenaan.

Akibatnya, berlaku fenomena kepala air dan banjir lumpur yang turut membawa sisa tanah gunung, bongkah batu dan pokok balak hanyut selepas berlaku tanah runtuh di puncak gunung.

Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Kedah/Perlis/Pulau Pinang, Abdullah Sulaiman, berkata bencana geologi dan aliran puing itu memberi dua kesan utama kepada bentuk muka bumi Gunung Jerai dan sekitarnya.

Beliau berkata, kesan utama yang jelas boleh dilihat adalah perubahan kepada mofologi cerun apabila wujud banyak kesan calar pada lereng gunung akibat daripada runtuhan tanah.

"Sehingga 31 Ogos lalu, JMG mengesan 69 lokasi tanah runtuh dan lima lokasi punca aliran puing di seluruh kawasan Gunung Jerai, terutama di Titi Hayun dan Batu Hampar yang menjadi lokasi utama kejadian bencana geologi itu.

"Kawasan lereng berkecerunan sehingga 90 darjah berkenaan kini mempunyai kesan calar akibat runtuhan tanah dengan kelebaran antara 10 hingga 50 meter bagi yang berskala besar, selain runtuhan kecil dengan lebar antara dua hingga lima meter turut dikesan.

"Berdasarkan maklumat pemetaan dan penduduk sekitar, kawasan puncak Gunung Jerai sebelum ini kebanyakan diliputi pokok hijau dan kesan calar hanya dikesan selepas bencana geologi berlaku," katanya ketika dihubungi *BH* di sini, semalam.

Bencana berkenaan turut memberi kesan kepada infrastruktur awam dan lebih 1,000 rumah di Yan, Merbok dan Gurun yang terjejas akibat dihentam pokok balak hanyut serta dimasuki selut tebal.

Lebih menyayat hati apabila enam penduduk, termasuk warga emas terkorban selepas gagal menyelamatkan diri akibat ditarik kepala air yang melimpah sehingga ke kawasan penempatan.

Abdullah berkata, kesan ketara turut dilihat pada perubahan alur sungai di Titi Hayun dan Batu Hampar yang kini semakin jelas ketika tinjauan udara dilakukan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).


"Berdasarkan data pemetaan terkini dibuat JUPEM, kita dapati aliran sungai di Titi Hayun dan Batu Hampar yang sebelum ini bengkang-bengkok menjadi lurus kesan daripada aliran puing.

"Aliran puing yang membawa pokok balak dan bongkah batu mengubah alur sungai berkenaan sepenuhnya kerana ketika bencana berlaku ia bergerak mengikut tarikan graviti sehingga menyebabkan sungai kini menjadi lurus," katanya.

Beliau menjelaskan, sehingga kini JMG masih melakukan analisis penzonan zon berisiko tanah runtuh dan aliran puing di lokasi di seluruh Gunung Jerai bagi mengenal pasti kawasan berisiko.

"Data dan maklumat lokasi ini penting bagi menyediakan pengekelasan risiko dan modul tindakan kesiapsiagaan pengurusan bencana bagi kegunaan agensi tindak balas, selain untuk pelaksanaan kerja pembaikan serta penyelenggaraan cerun.

"Bagi perancangan jangka panjang, kita juga mencadangkan agar dibangunkan suatu sistem amaran awal pemantauan dan pengesahan tanah runtuh di Gunung Jerai demi keselamatan penduduk serta pengunjung pada masa hadapan," katanya.



Kesan tanah runtuh dapat dilihat pada Gunung Jerai selepas kejadian kepala air di Titi Hayun dan Batu Hampar pada 18 Ogos lalu. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

> Sehingga 31 Ogos lalu, JMG mengesan 69 lokasi tanah runtuh dan lima lokasi punca aliran puing di seluruh kawasan Gunung Jerai terutama di Titi Hayun dan Batu Hampar




Abdullah Sulaiman, *Pengarah JMG Kedah/Perlis/Pulau Pinang*



Pusat peranginan Alang Kenari dekat Titi Hayun terjejas berikutan banjir kilat ketika bencana kepala air.

Geologi Am dan lokasi tanah runtuh serta aliran puing



Sehingga 31 Ogos 2021:
Terdapat 69 lokasi bencana geologi tanah runtuh dan 5 lokasi utama aliran puing telah dikenal pasti di seluruh kawasan Gunung Jerai

Kawasan siasatan Dibahagikan 5 zon khusus.

Zon 1 Kawasan Titi Hayun
Zon 2 Kawasan Batu Hampar
Zon 3 Kawasan Seri Perigi
Zon 4 Kawasan Gurun
Zon 5 Kawasan Tupah

Peta lokasi tanah runtuh di Gunung Jerai, Yan Kedah

Lokasi tanah runtuh
Lokasi aliran dabris
Kontur (sela100)
Sungai

Formasi Geologi
Kuaterner
Formasi Mahang
Formasi Jerai
Granit